KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	15/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPNP			

JPNP pantau pembersihan hutan

Siasatan mendapati isu pembalakan libatkan kawasan bersatus tanah milik

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

BENTONG

Aktiviti pembalakan di Bentong yang tular di laman sosial sejak awal September lalu tidak melibatkan kawasan Hutan Simpan Kekal (HKL) Lentang seperti didakwa, sebaliknya berlaku dalam kawasan lesen pembersihan hutan berstatus tanah milik.

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dalam satu kenyataan berkata, kawasan seluas 3.59 hektar itu adalah kawasan yang pernah ditularkan dalam isu pencemaran air Sungai Kenoi penghujung tahun lalu.

Menurut JPNP, aktiviti pembalakan di kawasan berkenaan telah dihentikan sementara sebelum ini untuk semakan dan siasatan lanjut.

"Bagaimanapun, kelulusan telah diberikan kepada pihak pelesen untuk memulakan kerja pada 15 Julai lalu dan permit jalan melalui Hutan Simpan Lentang serta permit matau kepada pelesen.

"Ia susulan permohonan yang dibuat pihak berkenaan bagi menyambung semula lesen dan permit jalan menggunakan jalan lama kawasan bekas lesen Projek Talian Penghantaran Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang terletak dalam kawasan Hutan Simpan Lentang," menurut kenyataan itu pada Selasa.

Tambah kenyataan itu, pelesen telah menggunakan tanah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) seluas 1.6 hektar (seperti gambar papan tanda yang telah ditularkan) bersebelahan kawasan lesen sebagai matau sementara.

"Sebelum itu, Pejabat Daerah dan Tanah Bentong memaklumkan lesen LPS tersebut telah tamat tempoh.

"Namun, hasil semakan lanjut mendapati pelesen telah membuat bayaran untuk menyambung semula tempoh lesen tersebut berdasarkan resit yang dikemukakan kepada Pejabat Hutan Daerah Bentong," menurut JPNP

Hasil pemantauan mendapati beberapa longgok tual balak dari kawasan lesen telah disusun di matau sementara dan di matau utama, namun kerja-kerja pengeluaran balak belum dilaksanakan.


"Kita dapati pihak pelesen telah mematuhi spesifikasi jalan hutan yang ditetapkan, namun ada beberapa perkara yang perlu diberi penambahbaikan.

"Ia termasuk berkaitan jambatan dan pembetung bagi lintasan alur air sungai sementara bagi mengelak berlaku pencemaran air di kawasan itu," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, JPNP telah mengeluarkan arahan bagi kerja-kerja pembetulan dan melakukan pemantauan rapi bagi memastikan pelesen segera melaksana dan menyelenggarakan jalan pengeluaran dengan lebih kerap.

"Secara keseluruhannya, JPNP mendapati pelesen tidak melakukan sebarang kesalahan hutan yang melibatkan jalan pengeluaran dan kawasan lesen.

"Namun, selepas mengambil kira beberapa faktor lain dan kepentingan awam, JPNP memutuskan untuk membatalkan lesen pemindahan (Borang 5) bagi kawasan lesen tersebut berkuat kuasa serta-merta," menurut kenyataan tersebut.



Aktiviti pembalakan yang ditularkan pengguna laman Facebook mendakwa berlaku dalam kawasan Hutan Simpan Lentang, Bentong baru-baru ini.